

PENYERAHAN SUMBANGAN KEBAJIKAN DARI KOMPLEKS TUDM BUKIT KUBONG

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2346-penyerahan-sumbangan-kebajikan-dari-kompleks-tudm-bukit-kubong

BUKIT KUBONG, 25 Ogos 17 – Kompleks TUDM Bukit Kubong hasil gabungan Markas Wilayah Udara 2 dan Suadron 340 TUDM telah membuat satu sumbangan dari kompleks ini kepada ahli BAKAT Udara untuk diserahkan kepada Veteran TUDM, Sjn U (B) Rosaidi bin Mat Isa.

Tujuan sumbangan ini dilakukan adalah untuk membantu meringankan beban yang ditanggung oleh Encik Rosaidi yang kini tidak bekerja kerana mengalami lumpuh tangan kiri akibat strok. Beliau telah berkhidmat didalam TUDM selama 13 tahun dan berhenti daripada perkhidmatan pada tahun 2008.

Hasil sumbangan daripada pegawai dan anggota Skuadron 340 serta MAWILUD 2 telah dikumpulkan di Surau Skn 340 dan diserahkan kepada wakil BAKAT Udara oleh Ketua Staf MAWILUD 2, YBhg Kol Hj. Mohd Nor Rasid bin Hj. Samington TUDM.

